

EDISI TERHAD
PERCUMA

BULETIN INSTUN

JANUARI 2022



PILOT STUDY BAGI KAJIAN PENYELIDIKAN SEKSYEN KADASTER

Muka Surat 10

TAKLIMAT ELAUN LEBIH MASA

Muka Surat 16



ISSN 2600-853X



9 772600 853003

M/S 1

Sesi Penilaian
Persembahan
Mentee BPPT
2021

M/S 5

Lawatan BPPT
ke
JKPTG Perak

M/S 11

KURSUS TEKNOLOGI
TERKINI DALAM
INDUSTRI
UKUR DAN
PEMETAAN

SIDANG REDAKSI

PENAUNG
PUAN NOREHAN BINTI OMAR

PENASIHAT
ENCIK GANESH BABU A/L KUPPAN

KETUA EDITOR
ENCIK ABDUL RASHID BIN OMAR

PEREKAAN & GRAFIK
ENCIK MOHAMAD HAFIZ BIN ABDUL AZIZ

SIDANG EDITOR

UKP BPP

UKP BPPT

UKP BUP

UKP BTM

UKP INSTUN

DARI KETUA EDITOR

Syukur ke hadrat illahi, buletin instun 2022 bagi bulan januari telah berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin instun ini adalah untuk melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan januari. Ia jugak adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsi bersama tentang informasi aktiviti yang telah dijalankan selari dengan perancangan di dalam takwin INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadikan peransang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan Aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti penyelaras buletin Jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniah sekali lagi kepada sidang editor buletin instun pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



SESI PENILAIAN

PERSEMBAHAN MENTEE BPPT 2021

Tempat : Bilik Latihan INTAN, Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah, INSTUN dan secara dalam talian (*Zoom Meeting*).

Sesi ini telah dihadiri seramai 20 orang kakitangan dari Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah. Objektif sesi penilaian ini adalah untuk melahirkan dan membangunkan tenaga pengajar dalaman yang kompeten untuk melaksanakan tugas dengan cemerlang.

Sesi ini telah berlangsung sepanjang tahun 2021 dan melibatkan lima belas (15) orang mentee yang telah membuat persembahan samada secara bersemuka atau secara dalam talian (dalam tempoh PKP berikutan dari pandemik yang melanda negara).

Setiap mentee akan dinilai persembahan mereka dan diberikan pemarkahan oleh mentor dan barisan panel yang terlibat. Mentee-mentee yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan akan diperakukan untuk menyampaikan ceramah bagi tajuk yang telah dipilih.

Oleh yang demikian, diharapkan agar kewujudan program seumpama ini dapat memastikan Pembangunan Kompetensi Tenaga Pengajar Dalaman BPPT akan tercapai dan sekaligus memberikan impak yang positif kepada INSTUN secara keseluruhannya.





TAKLIMAT PENYELARASAN KURSUS BPPT TAHUN 2022

TARIKH : 5 Januari 2022

Tempat : Bilik Latihan Intan, BPPT

Setelah melalui proses yang panjang, iaitu proses pembangunan Modul Latihan BPPT 2022 sehingga terhasilnya senarai kursus BPPT bagi tahun 2022, maka sampailah pula kepada pelaksanaannya.

Cabaran! Tahun 2022 membawa cabaran yang tersendiri kepada semua penyelaras di mana setelah dua tahun tidak beraksi secara bersemuka akibat pandemik Covid-19, tahun ini kursus-kursus di INSTUN telah dibuka kembali untuk kehadiran para peserta secara bersemuka.

Justeru, satu taklimat penyelarasan yang dianjurkan oleh Unit Pembangunan Latihan (UPL), BPPT telah diadakan bagi mengulang kaji semula prosedur-prosedur penyelarasan dengan pelbagai penambahbaikan. Taklimat telah disampaikan oleh Encik Abdul Malek bin Abdullah, Penolong Ketua Program Kanan (UPL) yang menyentuh pelbagai aspek pengendalian latihan termasuk Pekeliling yang berkaitan latihan, Dokumen ISO sebagai rujukan utama, Garis Panduan Kursus dalam Talian INSTUN dan aspek penyelarasan Kursus BPPT yang terdiri daripada:

- i. Fail Kursus
- ii. Senarai Semak
 - a. Surat Pelawaan
 - b. Permohonan pelbagai urusan melalui Sistem eSpek
 - c. Pengendalian kursus melibatkan Sistem eSpek
 - d. Surat-surat berkaitan
 - e. Nota kursus melalui Sistem eLearn
 - f. Taklimat Kursus
 - g. Pentaksiran Kursus
- iii. Simfoni Alam
- iv. Slaid Penceramah
- v. Kursus Sijil Pentadbiran Tanah (LAC)

Alhamdulillah, taklimat berjalan dengan lancar dengan penglibatan semua Penyelaras Program dan Penolong Penyelaras Program serta semua warga BPPT. Pelbagai perkara telah dibincangkan termasuk idea-idea baru dalam penyelarasan kursus BPPT. Selain daripada itu, penekanan pada kali ini juga adalah aspek Standard Operating Procedure (SOP) yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan dan Penyelidikan (BPP) sebagai panduan pelaksanaan kursus INSTUN dalam tempoh pandemik Covid-19 ini.

Taklimat dilihat sebagai satu inisiatif yang proaktif sangat baik dari UPL sebagai kesinambungan agenda latihan BPPT bagi memastikan kelancaran dan keseragaman kursus dalaman BPPT bagi tahun 2022.



KUNJUNGAN HORMAT BPPT INSTUN KE PEJABAT KETUA PENGARAH JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN (JKPTG) BERHUBUNG PELAKSANAAN KURSUS SIJIL PENTADBIRAN TANAH (LAC)

Tarikh : 10 Januari 2022

Tempat : Bilik Mesyuarat Putrajaya, Podium 1, Wisma Sumber Asli, Putrajaya

Penglibatan : 1. YBhg. Datuk Muhammad Azmi Bin Mohd Zain, KP Jkptg
2. YBrs. Tuan Abdul Rahman Bin Johor, TKP (SPO) Jkptg
3. YBrs. Tuan Azman Bin Mamat, TKP (SKPP) Jkptg
4. YBrs. Tuan Jaiya Bin Abu, SME Pentadbiran Tanah
5. YBrs. Tuan Anesh A/L Ganason, SME Pentadbiran Tanah
6. Wakil BPPT

Alhamdulillah! Inisiatif BPPT INSTUN untuk berjumpa dan berbincang dengan YBhg. Datuk KP JKPTG berkenaan Kursus LAC khususnya dan isu latihan pentadbiran tanah umumnya telah berjaya dilaksana. Betapa kunjungan hormat ini membawa seribu makna kepada BPPT sebagai penyedia latihan sektor tanah dan INSTUN secara keseluruhannya.





KURSUS DALAM TALIAN : TANAH DI BAWAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Tarikh : 13 Januari 2022

Tempat : Kursus dalam talian: Zoom Meeting

Penceramah : Tuan Jaiya Bin Abu, Pengarah BPPT JKPTG.

Kursus ini telah dihadiri seramai 100 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan di JKPTG /Pejabat PTG/Pejabat Tanah Semenanjung Malaysia dan dari pelbagai agensi. Objektif kursus adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman peruntukkan Perlembagaan Persekutuan berkaitan tanah.





KURSUS DALAM TALIAN : PENGAMBILAN TANAH-APA ANDA PERLU TAHU?

Tarikh : 27 Januari 2022

Tempat : Kursus dalam talian: Zoom Meeting

Penceramah : Encik Ahmad Shahrizal Bin Abdul Mubin, PTG WP Putrajaya.

Kursus ini telah dihadiri seramai 66 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan di JKPTG/ PTG/Pejabat Tanah Semenanjung Malaysia dan dari pelbagai agensi. Objektif kursus adalah untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang pengambilan tanah mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960.





LAWATAN PENTADBIRAN TANAH BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PERUNDANGAN TANAH, INSTUN 2022 KE **JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN NEGERI PERAK**

Teras 3 Pelan Strategik INSTUN 2021 - 2025 bermatlamat untuk mewujudkan Organisasi Kompeten dengan menggariskan tiga (3) strategi bagi mencapai matlamat Teras 2 tersebut. Salah satu strategi adalah melalui memperkukuh dan mempertingkatkan hubungan kerjasama strategik. Justeru, lawatan ini adalah aktiviti yang akan menyokong ke arah merealisasikan strategi ini menerusi pendedahan proses step by step dan tindakan pentadbir tanah sejourus menerima permohonan pengambilan tanah dari Kementerian Jabatan dan Pengguna (K-JP)/ Agensi melalui sistem MYeTapp. Pendedahan lanjut mengenai proses permohonan penyewaan tanah milik/rizab persekutuan juga dapat dipelajari dalam sesi lawatan ini. Lawatan ini turut menjadi nilai tambah kepada penceramah INSTUN dalam menyampaikan ceramah kepada peserta kursus.

Lawatan Pentadbiran Tanah BPPT ke JKPTG Perak 2022 bertujuan untuk:

- Memberi pendedahan berkenaan sistem MyeTapp pengambilan tanah dan MyeTapp pengurusan tanah persekutuan.
- Meneliti proses permohonan pengambilan tanah dan penyewaan tanah milik/rizab persekutuan di Negeri Perak.
- Mewujudkan jalinan kerjasama strategik di antara INSTUN dan JKPTG Perak melalui perkongsian ilmu dan ke arah hubungan asimetri.



KURSUS JEMPUTAN LUAR BPPT

Kursus Jemputan Luar merupakan produk latihan BPPT INSTUN yang paling memberi impak dan mempunyai jumlah penglibatan peserta yang paling ramai berbanding produk-produk latihan yang lain. Ia merupakan penyumbang terbanyak bilangan peserta yang menerima manfaat berbanding kursus dalaman BPPT, bahkan berbanding kursus dari bahagian lain.

Agenda ini diteruskan lagi pada tahun 2022 dan pada bulan Januari sahaja kita telah memenuhi 3 jemputan. Perinciannya adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Kursus	Anjuran	Tarikh Kursus	Tempat	Jumlah Peserta
1.	KURSUS PENSIJILAN PENGURUSAN PROJEK AWAM BERSEPADU (3PAB) MODULAR 1: MODUL FORMULASI DAN PEMBENTUKAN PROJEK	INTAN	12 Jan 2022	INTAN Bukit Kiara, Kuala Lumpur	18 Orang
2.	KURSUS PENGURUSAN PROJEK TERMASUK PEROLEHAN, PENTADBIRAN KONTRAK DAN SEBUT HARGA ANJURAN PUSAT LATIHAN AADK (PLAK)	PUSAT LATIHAN AADK	23 – 25 Jan 2022	Pusat Latihan AADK, Sungai Petani, Kedah	38 Orang
3.	BENGKEL PEMANTAPAN PENGETAHUAN BERKAITAN SEKTOR HARTANAH SURUHANJAYA KOPERASI NEGERI PERAK	SURUHANJAYA KOPERASI NEGERI PERAK	26 – 28 Jan 2022	Hotel Coral Bay, Pangkor, Perak	60 Orang



Perkongsian penceramah BPPT INSTUN En. Zahar Sapar bersama peserta kursus anjuran INTAN



Perkongsian penceramah BPPT INSTUN En. Azman Mad Dali bersama peserta kursus anjuran PLAK



Perkongsian penceramah BPPT INSTUN En. Azman Mad Dali bersama peserta kursus anjuran INTAN

MAJLIS AMANAT KETUA BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN (BUP), INSTUN

Tarikh: 4 Januari 2022

Majlis amanat oleh Ketua Bahagian Ukur dan Pemetaan, Sr. Ahmad Azmi bin Hashim, PMC telah dihadiri oleh semua Ketua Program Ukur, semua Penolong Ketua Program Ukur dan kakitangan BUP. Majlis dimulakan dengan bacaan surah Yasin yang dipimpin oleh Sr Hj. Md. Issa bin Abdul Hai. Dalam Majlis ini, Ketua Bahagian Ukur dan Pemetaan telah memberikan amanat berhubung hala tuju BUP pada tahun 2022 merangkumi perancangan pelaksanaan Program Latihan BUP, perancangan pelaksanaan program yang berimpak tinggi diperingkat BUP serta INSTUN dan perancangan penglibatan warga BUP dalam aktiviti corporate social responsibility (CSR) bersama pelbagai agensi dan pelbagai Institusi Pengajian Tinggi berkaitan bidang ukur dan pemetaan.

Ketua Bahagian Ukur dan Pemetaan merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua warga BUP atas pelbagai kejayaan yang telah dikecapi pada tahun 2021 tatkala bekerja dalam keadaan norma baharu ekoran pandemik COVID-19. Semasa Majlis tersebut, Ketua Bahagian Ukur dan Pemetaan turut memberikan penghargaan kepada mantan pegawai yang telah bertukar keluar daripada BUP, INSTUN atas segala sumbangan dan jasa semasa berkhidmat di BUP. Pertukaran keluar masuk pegawai di BUP adalah merangkumi pertukaran secara lateral atau kenaikan pangkat atas arahan Ketua Perkhidmatan (Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia).

Di akhir amanat tersebut, Ketua Bahagian Ukur dan Pemetaan telah memberikan kata-kata perangsang semangat kepada warga BUP supaya semua pegawai dan kakitangan BUP terus bekerja dengan cemerlang, tekun, saling bekerjasama antara satu sama lain dan mengamalkan sikap bertoleransi dalam meraih kejayaan BUP dan INSTUN diperingkat yang lebih tinggi. Semoga pelbagai lagi kejayaan dicipta oleh warga BUP dan INSTUN pada tahun 2022 dalam suasana norma baharu.



SESI PEMBENTANGAN

PELAJAR LATIHAN INDUSTRI DI BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN (BUP), INSTUN

Tarikh: 13 Januari 2022

Dua (2) orang pelajar daripada Universiti Malaya (UM) telah menjalani latihan industri di BUP, INSTUN bermula pada 4 Oktober 2021 sehingga 21 Januari 2022. Pelajar latihan industri yang berkenaan adalah Mohamad Azrul Affizi bin Kamaruddin dan Naswany binti Nasarudin.

Sehubungan itu, secara keseluruhan pelajar tersebut telah mengikuti sepenuhnya jadual latihan industri yang telah ditetapkan oleh Bahagian. Bagi tujuan menilai dapatan sepanjang tempoh latihan industri berkenaan, sesi pembentangan oleh pelajar yang terlibat telah diadakan dan dihadiri oleh Sr Ahmad Azmi bin Hashim, PMC (Ketua Bahagian Ukur dan Pemetaan), Sr Ahmad bin Omar (Ketua Program Ukur Kadaster), Sr Mohd Zaidi bin Zakaria (Ketua Program Ukur Pemetaan) dan semua penyelia iaitu Sr Nor Mahani binti Ibrahim, Sr Abdul Fatah bin Ibrahim, Sr Faatihah binti Mohd Jani dan Sr Norfariza binti Zainal.

Kedua-dua pelajar tersebut telah memberikan kerjasama yang amat baik sepanjang menjalankan latihan industri di BUP, INSTUN. Semoga pelajar-pelajar ini terus cemerlang dan berjaya dalam kerjaya masing-masing pada masa hadapan.



LAWATAN TEKNIKAL PERSATUAN PEMETAAN UTILITI KOMPETEN MALAYSIA (UMAP) KE PUSAT KALIBRASI PERALATAN PENGESANAN UTILITI BAWAH TANAH INSTUN



Lawatan teknikal oleh UMAP ke Pusat Kalibrasi Peralatan Pengesanan Utiliti Bawah Tanah INSTUN adalah melibatkan seramai 44 orang delegasi. Rombongan lawatan terdiri daripada Presiden UMAP Datuk Sr Hj Johari bin Wahab, Mantan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia Dato' Sr Hasan bin Jamil, Prof Sr Hj Jalal bin Hj Johari (Ketua Program Lawatan Teknikal), Senator Sr Hj Mohd Apandi bin Mohamad serta para juruukur tanah berlesen dengan kompetensi (bidang pemetaan utiliti bawah tanah) iaitu yang memiliki sijil CUUDS, Sijil operator dan Article Pupil. Tujuan lawatan diadakan adalah bagi melihat infrastruktur berkaitan pemetaan utiliti bawah tanah yang ada di INSTUN. Semoga dengan inisiatif UMAP ini memberi manfaat kepada delegasi lawatan yang juga pemain industri dalam bidang pemetaan utiliti bawah tanah dan membuka ruang serta peluang jalinan kerjasama yang baik antara INSTUN dan UMAP pada masa akan datang.



PILOT STUDY BAGI KAJIAN PENYELIDIKAN SEKSYEN KADASTER DI BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN (BUP), INSTUN



Tarikh: 13 Januari 2022

Kerja-kerja pengukuran telah diadakan *Pilot Study* kepada kajian penyelidikan kendalian Seksyen Kadaster, BUP. Kerja-kerja ini telah diketuai oleh Sr Ahmad bin Omar, Ketua Program Ukur Kadaster bersama ahli pasukan yang terdiri daripada Sr Ismail bin Ibrahim, Sr Abdul Fatah bin Ibrahim, Sr Muhammad Aizuddin bin Nor Hasnan, Pn. Khadijah binti Sahdan, En. Mohd Salim bin Yusof, Pn. Noor Alifah binti Abd. Hamid dan En. Muhammad Aliff bin Mohd Nordin.

Pilot study yang dijalankan ini adalah menggunakan teknik pengukuran daripada pelbagai peralatan ukur bagi mendapatkan butiran objek di lapangan di persekitaran dalam kampus INSTUN. Semoga *Pilot Study* yang dijalankan ini akan mencapai objektif yang ditetapkan dalam kajian penyelidikan yang sedang diusahakan oleh Seksyen Kadaster, BUP.



KURSUS TEKNOLOGI TERKINI DALAM INDUSTRI UKUR DAN PEMETAAN

Tarikh: 25 Januari 2022

Kursus ini telah berjaya dijalankan secara dalam talian dengan penglibatan seramai 73 penyertaan peserta. Kursus ini merupakan kursus pertama yang dijalankan oleh BUP, INSTUN bagi tahun 2022.

Secara keseluruhannya dalam kursus ini para peserta telah dikongsikan oleh penceramah berhubung teknologi-teknologi pada masa kini berhubung bidang ukur dan pemetaan merangkumi peralatan, perisian serta aplikasi yang digunakan oleh pemain industri dan Jabatan-jabatan terlibat.



JEMPUTAN KURSUS OLEH CAWANGAN KEJURUTERAAN INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN (CKIP), JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA (JKR), IBU PEJABAT KUALA LUMPUR

Tarikh: 25-26 Januari 2022

Dua (2) orang pegawai daripada Seksyen Geodetik, BUP iaitu Sr Zakaria bin Abdullah dan Sr Norfariza binti Zainal telah dijemput untuk memberi ceramah dalam kursus hidrografi kepada peserta CKIP, JKR, Ibu Pejabat Kuala Lumpur. Semasa kursus ini para peserta telah diberikan penerangan berhubung ukur hidrografi serta kaedah pengukuran hidrografi, cerapan pasang surut dan juga kaedah penentududukan. Terima kasih diucapkan kepada pihak CKIP, JKR atas jemputan dan semoga dimasa akan datang pelbagai aktiviti berkaitan bidang ukur pemetaan akan dapat diteruskan lagi dengan pihak BUP, INSTUN.



MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2022 JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA (JUPEM)



Tarikh: 26 Januari 2022

Sr Ahmad Azmi bin Hashim, PMC Ketua Bahagian Ukur dan Pemetaan INSTUN telah menghadiri Majlis Amanat Tahun Baharu 2022 JUPEM di Ibu Pejabat JUPEM Kuala Lumpur. Tema Majlis Amanat tersebut adalah 'Aspirasi Kejayaan, Memacu Kecemerlangan' dan telah disempurnakan oleh YBrs. Sr Sohaime bin Haji Rasidi, Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I.

Majlis Amanat Tahun Baharu 2022 JUPEM juga telah dihadiri oleh semua warga JUPEM di Ibu Pejabat, di Negeri-negeri dan semua kader JUPEM termasuk kader di BUP, INSTUN secara dalam talian. Ini selaras dengan norma baharu dan pematuhan kepada standard operating procedure (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.



KURSUS KENALI PERALATAN UKUR

Tarikh: 27 Januari 2022

Kursus ini telah berjaya mendapat sambutan yang menggalakkan dengan 84 orang peserta telah menyertai kursus yang telah dijalankan secara dalam talian. Objektif kursus BUP yang telah berjaya dilaksanakan ini ialah memberi pendedahan kepada peserta dalam pengendalian serta penjagaan peralatan ukur semasa kerja pengukuran dan kerja pemetaan yang dijalankan di lapangan. Peserta juga telah ditunjukkan demonstrasi berhubung peralatan-peralatan ukur yang berkenaan.

Antara kandungan modul kursus ini adalah topik berkaitan peralatan *Total Station*, *Alat Aras*, *Unmanned Aerial Vehicle (UAV)*, *Ground Penetrating Radar (GPR)*, *Peralatan Teleskop*, *Global Navigation Satellite System (GNSS)* dan *Peranan Alat Ukur dalam Kerjaya Juruukur*.




KURSUS DALAM TALIAN: PHP (ASAS) HOW TO GENERATE PDF FILE

Tarikh: 13 Januari 2022

Kursus Dalam Talian: PHP (Asas) – How To Generate PDF File merupakan salah satu kursus CSR anjuran BTM INSTUN dengan menggunakan Zoom sebagai pelantar. Objektif kursus ini adalah untuk memahami cara - cara membangunkan PDF fail menggunakan PHP (fpdf). Kursus ini telah dihadiri oleh 170 orang peserta berdaftar dari pelbagai agensi. Kursus ini melibatkan penyampaian teori dan latihan amal yang dibimbing oleh penceramah secara atas talian. Peserta kursus telah memberikan komitmen tinggi sepanjang kursus berlangsung.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada penceramah INSTUN iaitu En.Murad bin Isa, Ketua Bahagian Teknologi Maklumat serta semua peserta kursus yang telah menjayakan kursus ini.



LAWATAN KERJA PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)

Tarikh: 19 Januari 2022

Lawatan kerja telah diadakan oleh pihak Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan sistem eSPEK INSTUN. CIAST merupakan sebuah pusat latihan kemahiran yang di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia yang menawarkan kursus-kursus kemahiran dan kursus metodologi pengajaran kepada pengajar-pengajar TVET negara serta turut menjalankan kursus jangka pendek yang dibuka pihak luar seperti individu, swasta dan badan kerajaan yang lain.

Lawatan ini telah dihadiri oleh empat (4) orang pegawai CIAST yang diketuai oleh Puan Ainin Nisak binti Ahmad Asnawi (Ketua Program Pembelajaran Elektronik Dan Multimedia (PEM), DV52), Puan Azua Akma binti Abdullah Sani (Unit Intra Rangkaian dan Operasi, F44), Puan Nora Azlina binti Abdul Aziz (Unit Infrastruktur Sistem, F41) dan Puan Siti Nuraihan binti Mohd Husin (Unit Infrastruktur Sistem, FA29) dan sembilan (9) orang wakil Bahagian Teknologi Maklumat (BTM). Sesi pembentangan dan khidmat nasihat telah diadakan di Bilik Persidangan, Anjung INSTUN yang dipengerusikan oleh En Murad bin Isa (Ketua Bahagian Teknologi Maklumat).



TAKLIMAT PENYELARASAN KURSUS ANJURAN INSTUN TAHUN 2022


Tarikh: 14 Januari 2022

Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan telah melaksanakan Taklimat Penyelarasan Kursus Anjuran INSTUN bagi tahun 2022 dan disampaikan oleh Encik Ganesh Babu Devar A/L Kuppan, Ketua Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan, INSTUN. Objektif utama penganjuran taklimat ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan garis panduan serta menerangkan prosedur - prosedur yang berkaitan terhadap pelaksanaan kursus secara bersemuka yang bakal dianjurkan oleh INSTUN pada tahun 2022.

Selaras dengan Pelan Pemulihan Negara (PPN) – Prosedur Operasi Standard (SOP) Fasa 4 yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN), sebarang pelaksanaan kursus/seminar secara bersemuka adalah dibenarkan. Oleh itu, INSTUN mengambil inisiatif dengan mewujudkan SOP pelaksanaan kursus secara bersemuka berdasarkan SOP Fasa 4 yang sedang berkuat kuasa. Sesi ini turut memuatkan taklimat berkaitan dengan sistem eSPEK dengan pembaharuan yang diwujudkan bagi tujuan penyelarasan kursus yang lebih cekap dan efisien.

Taklimat ini juga turut disertai oleh pegawai-pegawai INSTUN yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan kursus secara bersemuka. Seramai 70 orang peserta telah menghadiri taklimat ini dengan jayanya. Sasaran peserta bagi taklimat ini adalah bukan sahaja kepada pengendali kursus seperti penyelarasan dan penceramah malah penglibatan daripada pihak keselamatan, domestik serta pentadbiran yang juga merupakan sumber sokongan dalam pelaksanaan kursus di INSTUN. Taklimat ini amat penting dalam memahami peranan masing-masing sebelum melaksanakan tindakan melalui kerjasama erat sebagai satu jabatan.

Dengan pelaksanaan taklimat ini, penglibatan daripada kesemua bahagian yang berkenaan amat membantu bagi memahami serta mematuhi SOP yang telah disediakan demi mengelakkan risiko penularan wabak COVID-19.



TAKLIMAT ELAUN LEBIH MASA

Tarikh: 27 Januari 2022

Objektif utama penganjuran taklimat ini adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pegawai INSTUN berkenaan tatacara Tuntutan Elaun Lebih Masa (OT). Ia merangkumi aspek penyediaan dokumen Tuntutan, kelayakan dan kaedah pengiraan dalam membuat Tuntutan yang juga turut menyatakan pekeliling-pekeliling dan peraturan semasa yang berkuatkuasa.

Selaras dengan surat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berkenaan Pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS di Kementerian dan Jabatan, taklimat ini juga telah didedahkan berkenaan pelaksanaan dan kaedah Tuntutan Elaun Lebih Masa (OT) menggunakan sistem HRMIS.

Seramai 47 orang peserta telah menghadiri taklimat ini yang terdiri daripada kakitangan kumpulan Sokongan I dan II. Sasaran peserta bagi taklimat ini juga adalah kepada kumpulan sokongan di mana kelayakan bagi Tuntutan Elaun Lebih Masa adalah di peringkat gred jawatan ini sahaja.

Taklimat telah disampaikan oleh Puan Noor Laila Binti Yusuf, Penolong Akauntan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Taklimat yang telah diberikan adalah sangat baik sejajar dengan pengalaman penceramah dalam bidang kerja dan juga Tuntutan Elaun Lebih Masa. Secara keseluruhan, taklimat ini sangat memuaskan dan mendapat maklumbalas yang positif daripada para peserta.

Dengan pelaksanaan kursus ini, peserta telah memperolehi input yang amat berguna dalam memahami kaedah yang betul dalam membuat Tuntutan Elaun Lebih Masa mengikut kadar yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan.

